

I. KENYATAAN TAWARAN



KERAJAAN MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**TENDER PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PERALATAN RANGKAIAN
PROJEK MALAYSIAN RESEARCH AND EDUCATION NETWORK (MYREN)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Petender-Petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti dibawah yang masih sah dan berkuat kuasa.

210102 - *Hardware (high end technology) - All types of server, mainframe, high end printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance;*

210103 - *Software - all computer software, operating system, database, off-theshelf packages including maintenance;*

210104 - *Software/system development including maintenance-data entry/data processing*

210105 - *Telecommunication/networking supply product, infrastructure, services including maintenance (LAN/ WAN/ Internet/ wireless/ satellite)*

2. Butiran tender yang ditawarkan adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	KOD TENDER	TARIKH IKLAN TENDER	TARIKH TAKLIMAT	TARIKH TUTUP TENDER
1.	TENDER PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PERALATAN RANGKAIAN PROJEK <i>MALYSIAN RESEARCH AND EDUCATION NETWORK (MYREN)</i> KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	QT1900000000 46343	7 Mei 2019 (Selasa)	9 Mei 2019 (Khamis) (Hanya Penama Dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) SAHAJA Yang Dibenarkan Untuk Menghadiri Taklimat Tender. Penama Wajib Membawa Bersama Salinan Sijil Pendaftaran MOF Bagi Tujuan Pengesahan Kehadiran Di Sesi Taklimat)	30 Mei 2019 (Khamis)

3. Tender dilaksanakan melalui sistem e-Perolehan secara atas talian sepenuhnya. Petender-petender yang ingin menyertai tender ini **MESTILAH berstatus *Ep-enabled* (mempunyai ID log masuk dan sijil digital yang telah diaktifkan).**
4. Tawaran tender hendaklah dikunci masuk ke dalam sistem e-Perolehan sebelum atau selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup tender.
5. Cara-cara mengunci masuk ke dalam Sistem e-Perolehan
 - 5.1 Petender hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam Dokumen Tender serta menyemak kandungan Dokumen Tender dengan **TELITI** sebelum mengunci masuk di dalam sistem e-Perolehan. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan mengakibatkan tawaran tender tersebut tidak akan dipertimbangkan.
 - 5.2 Semua lampiran / borang dalam sistem e-Perolehan hendaklah diisi dengan **LENGGAP DAN JELAS** serta **MEMATUHI ARAHAN** yang dinyatakan.

5.3 Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan membolehkan tender tersebut tidak akan dipertimbangkan/ditolak

6. **Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:**

- a. Petender **LEWAT** menyerahkan tawaran tender dengan lengkap dalam sistem e-Perolehan; atau
 - b. Petender **GAGAL** memuatnaik dokumen wajib dengan lengkap ke dalam sistem e-Perolehan.
7. Kehadiran ke sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Kegagalan atau lewat hadir untuk menghadiri taklimat pada waktu yang ditetapkan boleh menyebabkan tawaran Petender **tidak dipertimbangkan dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini tidak akan dilayan**. Bukti kehadiran adalah berdasarkan tandatangan dan pengesahan cop rasmi syarikat/Petender di dalam Jadual kehadiran yang akan diedarkan oleh Kementerian ini sahaja. Setiap syarikat **hanya dibenarkan menghantar dua (2) orang wakil yang terdiri daripada pengurusan syarikat dan *subject matter expert***. Setiap seorang wakil **TIDAK DIBENARKAN** untuk mewakili dua (2) syarikat yang berbeza.
8. **Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal** hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem e-Perolehan sebelum atau pada tarikh tutup tender. **Tawaran yang lewat dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem e-Perolehan tidak akan dipertimbangkan**.
9. Petender dikehendaki mengemukakan **SEMUA** dokumen sokongan yang diminta oleh pihak Kementerian dalam dokumen tender. Bagi Petender yang gagal mengemukakan kesemua dokumen yang diminta, maka Kementerian ini mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran Petender.
10. Kementerian Pendidikan Malaysia tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
11. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di portal rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia <http://www.moe.gov.my>, e-Perolehan dan MyPROCUREMENT. Petender dinasihatkan untuk sentiasa melayari portal rasmi yang dinyatakan bagi mendapatkan maklumat mengenai **arahan-arahan terkini atau pindaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa**.